

**Najib Umum Hadiah 'Amat Berharga' Kepada Dua Sekolah Cina Di Pulau Pinang
Bernama
1 Mei, 2013**

GEORGE TOWN, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan Kolej Han Chiang akan dinaik taraf menjadi Kolej Universiti manakala Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) (C) Heng Ee pula akan mendapat sebuah cawangan baharu di Bayan Lepas.

Najib turut mengumumkan kerajaan memperuntukkan RM1 juta bagi setiap institusi itu menerusi Yayasan Rakyat 1Malaysia.

"Saya ingin mengiktiraf Kolej Han Chiang sebagai contoh yang baik sebuah sekolah yang melakar sejarah dalam memupuk bakat di Pulau Pinang. Saya gembira berada di sini untuk menyerahkan surat kelulusan secara dasar kepada pengetua Kolej Han Chiang untuk sekolah ini dinaik taraf kepada status Kolej Universiti.

"Sebagai tambahan, kerajaan persekutuan meluluskan penubuhan sebuah cawangan baharu sekolah tinggi Heng Ee. Dengan cawangan baharu ini, lebih ramai pelajar akan mendapat peluang untuk meneruskan misi baik Heng Ee dalam mengejar kecemerlangan," katanya pada majlis perjumpaan bersama petugas dan pelajar Kolej Han Chiang dan SMJK (C) Heng Ee di sini Selasa malam.

Turut hadir isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor, Pengerusi Barisan Nasional Pulau Pinang Teng Chang Yeow, Pengetua Kolej Han Chiang Datuk Dr Cheah See Kian dan Pengetuai SMJK (C) Heng Ee Goh Boon Poh.

Sementara itu, Cheah berkata ini merupakan langkah yang amat penting oleh kerajaan dalam mengiktraf pendidikan Cina di Malaysia, dan menambah dasar terbuka yang diamalkan kerajaan menunjukkan pendidikan Cina tidak pernah diabaikan.

Beliau berkata kolej itu merancang untuk memberi tumpuan kepada pengajian Komunikasi Massa dan Animasi di masa depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946573>